

Kemerdekaan tidak terjamin tanpa persiapan ilmu — PM

UM 26 AUG 2001

IPOH 25 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan generasi muda bahawa kemerdekaan yang dicapai oleh negara tidak boleh dijamin untuk selamanya jika mereka tidak membuat persiapan untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri menegaskan, negara masih boleh dijajah semula oleh kuasa asing dan usaha-usaha sedang dibuat oleh Barat untuk tujuan itu.

“Saya tidak mahu generasi sekarang memikirkan perkara ini terlalu sangat sehingga mengganggu pemikiran dan pelajaran masing-masing.

“Tetapi hakikatnya ialah kuasa-kuasa asing sedang mengatur langkah untuk menjajah semula negara ini,” tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan Tahun 2001 di Stadium Indera Mulia di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun Malaysia telah merdeka tetapi ia boleh dijajah semula kalau negara ini dimiskinkan seperti yang pernah dicuba oleh kuasa-kuasa asing tiga tahun lalu.

“Pada waktu mereka menjatuhkan nilai ringgit dan kita menjadi miskin, kita hampir terpaksa meminta sedekah daripada mereka.

“Kalau kita meminta sedekah daripada orang lain, maka mereka akan mengenakan syarat yang akan menjadikan kita dijajah semula.

“Mereka akan menghinakan kita, mereka akan berpeluk tubuh lihat kita tanda tangan menyerahkan kuasa negara kita kepada mereka dan ini hampir berlaku,” jelas beliau.

Kata Perdana Menteri, walaupun rakyat wajar bersyukur kerana keadaan itu tidak berlaku tetapi jangan fikir ia tidak mungkin terjadi pada masa akan datang.

Oleh itu, tambahnya, generasi muda sekarang mestilah membuat persediaan dengan melengkapkan

diri dengan ilmu pengetahuan supaya dapat mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Menurutnya, adalah tidak mustahil bagi para pelajar terutama pelajar Melayu mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran mereka tetapi ia harus disertai dengan usaha yang gigih dan ber-sungguh-sungguh.

“Janganlah disebabkan kita hendak meluluskan anak Melayu dalam pendidikan maka kita turun sedikit peringkat kelulusan nya kerana kita tidak boleh lawan dengan kaum lain.

“Saya berasa malu bahawa kaum saya orang Melayu tidak boleh bertanding dengan kaum lain, saya berasa malu bila kita naikkan kelulusan yang diperlukan untuk orang bukan Melayu memasuki universiti,” tambahnya.

Dr. Mahathir berkata, peluang bagi pelajar Melayu mencapai kecemerlangan dalam pendidikan masih ada walaupun kerajaan akan melaksanakan dasar meritokrasi dalam pendidikan negara.